



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN
ATAS PENDAPATAN PENGHIBUR AWAM
BUKAN PEMASTAUTIN**

KETETAPAN UMUM NO. 6/2017

TARIKH PENERBITAN: 12 OKTOBER 2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN PENGHIBUR AWAM
BUKAN PEMASTAUTIN**

**Ketetapan Umum No. 6/2017
Tarikh Penerbitan: 12 Oktober 2017**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2017 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN PENGHIBUR AWAM
BUKAN PEMASTAUTIN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2017
Tarikh Penerbitan: 12 Oktober 2017**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Perkhidmatan yang Dijalankan atau Diberikan di Malaysia oleh Seorang Penghibur Awam Bukan Pemastautin	2
5. Penghibur Awam Bukan Pemastautin	2
6. Taraf Mastautin	3
7. Cukai Pegangan atas Bayaran kepada Seorang Penghibur Awam Bukan Pemastautin	3
8. Kadar Cukai atas Pendapatan Penghibur Awam Bukan Pemastautin	10
9. Pengiraan Cukai	10
10. Permohonan untuk Penggambaran dan Persembahan di Malaysia	15
11. Penghibur Awam selain daripada Artis Penggambaran dan Artis Asing	15
12. Meremitkan Cukai	16
13. Akibat Tidak Meremitkan Cukai	17
14. Rayuan oleh Seorang Pembayar atas Bayaran Cukai Pegangan	19
15. Pencukaaian Dua Kali	19
16. Ketidakkpakaian	19
17. Pemeriksaan Transaksi	20



**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN PENGHIBUR AWAM
BUKAN PEMASTAUTIN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2017
Tarikh Penerbitan: 12 Oktober 2017**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan –

- (a) pendapatan yang diterima oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin di Malaysia;
- (b) potongan cukai daripada pendapatan yang diterima oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin; dan
- (c) akibat tidak meremitkan cukai yang dipotong daripada pendapatan yang diterima oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 6, 7, 109A, subseksyen 113(2), perenggan 39(1)(q), Bahagian II Jadual I, perenggan 21 dan 22, Jadual 6.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah–
 - (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 23) 1990 [P.U.(A) 428/1990];
 - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 1999 [P.U.(A) 321/1999]; dan
 - (c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 54) 2000 [P.U.(A) 501/2000].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bukan pemastautin” bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia.
- 3.2 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP.
- 3.5 “Penghibur awam” termasuk –

- (a) seorang pengacara, peragawati, penghibur sarkas, pensyarah, penceramah, ahli sukan, artis atau seorang individu yang menjalankan apa-apa profesion, kerjaya atau pekerjaan yang serupa; atau
- (b) seorang individu yang menggunakan kemahiran intelek, artistik, muzik, peribadi atau fizikal atau watak dalam,

menjalankan apa-apa aktiviti berhubung dengan apa-apa tujuan secara langsung, cetak, elektronik, satelit, kabel, gentian optik atau medium lain, untuk filem atau pita, atau untuk siaran televisyen atau radio, mengikut mana-mana yang berkenaan.

4. **Perkhidmatan yang Dijalankan atau Diberikan di Malaysia oleh Seorang Penghibur Awam Bukan Pemastautin**

Menurut seksyen 109A ACP, peruntukan seksyen 109 dan 110 ACP adalah terpakai bagi saraan atau pendapatan lain berkenaan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin.

5. **Penghibur Awam Bukan Pemastautin**

5.1 Maksud penghibur awam bukan pemastautin

Penghibur awam telah ditakrifkan dalam ACP. Seorang individu bukan pemastautin dianggap sebagai seorang penghibur awam di Malaysia jika aktiviti berada dalam takrifan penghibur awam. Untuk menentukan sama ada seorang individu bukan pemastautin boleh dikelaskan sebagai seorang penghibur awam, aktiviti individu itu dan sifat aktiviti perlu diperiksa.

Seorang penghibur awam bukan pemastautin bermaksud seorang individu bukan pemastautin, yang menjalankan aktiviti yang berikut:

- (a) persembahan solo atau berkumpulan oleh pelakon, peragawati, penghibur sarkas, pengacara, penari, penghibur, pemuzik, penyanyi, artis lain, atau menjalankan apa-apa profesion, kerjaya atau pekerjaan yang mempunyai sifat yang serupa untuk budaya, pendidikan, hiburan, agama atau apa-apa tujuan lain;
- (b) penggunaan kemahiran intelek, artistik, muzik, peribadi atau fizikal atau watak individu bukan pemastautin untuk budaya, pendidikan, hiburan, agama atau apa-apa tujuan lain;
- (c) ceramah, ucapan, atau taklimat untuk apa-apa tujuan; atau
- (d) apa-apa jenis acara sukan atau pertandingan sukan.

5.2 Medium hiburan awam

Medium hiburan awam bagi penghibur awam bukan pemastautin untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan apa-apa tujuan boleh secara langsung, cetak, elektronik, satelit, kabel, gentian optik atau medium

lain, untuk filem atau pita, atau untuk siaran televisyen atau radio. Medium lain termasuk apa-apa medium penghantaran lain yang digunakan.

5.3 Seorang bukan pemastautin yang bukan seorang penghibur awam

Seorang individu yang bekerja di balik tabir dalam aktiviti berkaitan dengan seni seperti jurusinematografi, pengarah, penerbit, jurukoreografi dan kakitangan teknikal tidak layak sebagai penghibur awam. Seseorang yang bekerja di balik tabir dalam aktiviti yang berkaitan dengan sukan seperti jurulatih kuda, jurulatih dan jurulatih peribadi tidak termasuk dalam definisi penghibur awam.

6. **Taraf Mastautin**

Pada amnya, seorang penghibur awam akan dianggap sebagai bukan pemastautin jika beliau berada di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam satu tahun kalendar.

Taraf mastautin seorang individu bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran ditentukan dengan merujuk kepada kehadiran fizikal individu itu di Malaysia dan bukan berdasarkan kerakyatan atau kewarganegaraannya. Dalam keadaan tertentu, kehadiran fizikal bagi tahun-tahun asas sebelum atau selepas suatu tahun taksiran tertentu perlu diambil kira dalam penentuan taraf mastautin seorang individu [seksyen 7 ACP].

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada KU No. 6/2011 bertarikh 16.5.2011 bertajuk "Taraf Mastautin Individu" dari portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

7. **Cukai Pegangan atas Bayaran kepada Seorang Penghibur Awam Bukan Pemastautin**

Seorang penghibur awam bukan pemastautin boleh dikenakan cukai atas saraan atau pendapatan lain berkaitan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia. Seorang penghibur awam bukan pemastautin yang membuat persembahan atau memberikan perkhidmatan di Malaysia boleh menjalankan suatu profesion, kerjaya atau pekerjaan.

7.1 Seorang penghibur awam mungkin bekerja sendiri dan dia dikenakan cukai atas pendapatannya sebagai seorang yang menjalankan perniagaan, profesion atau kerjaya. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana seorang penghibur awam dianggap sebagai seorang pekerja. Contohnya, dalam kes sukan berpasukan (contohnya bola sepak), pemain mungkin seorang pekerja bagi sebuah kelab atau liga yang mana beliau akan bermain dan menerima gaji pokok.

Contoh 1

Seorang pemain selo termasyhur dari Rusia tiba di Malaysia untuk mengadakan persembahan di dewan Petronas Philharmonic selama 2 malam

pada Januari 2017 dan beliau dibayar fi sebanyak RM1 juta oleh penganjur di Malaysia. Seorang pengacara terkenal dari Amerika Syarikat (AS) juga ditugaskan bagi acara 2 malam tersebut dan dibayar RM300,000.

Pemain selo Rusia itu dianggap sebagai seorang penghibur awam kerana beliau menggunakan kemahiran muziknya untuk membuat persembahan awam secara langsung. Pengacara tersebut juga adalah seorang penghibur awam. Fi yang dibayar kepada kedua-dua pemain selo dan pengacara adalah tertakluk kepada cukai pegangan seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 2

Sebuah bank terkemuka di Malaysia telah menaja suatu karya muzikal terkenal di Istana Budaya pada awal tahun 2017. Sejumlah RM1 juta telah dibayar untuk persembahan oleh sekumpulan penghibur teater dari United Kingdom. Dalam kontrak antara semua pihak yang berkenaan, telah dinyatakan dengan jelas bahawa bagi tujuan pentadbiran, suatu syarikat pengurusan di Malaysia telah dilantik oleh kumpulan penghibur teater semata-mata untuk bertindak sebagai ejen mereka semasa lawatan muzikal di Malaysia. Tugas ejen termasuk menerima bayaran bagi pihak kumpulan penghibur teater tetapi ejen tersebut tidak berhak menggunakan atau menikmati wang yang diterima. Penghibur teater itu adalah penerima sebenar bayaran tersebut.

Penghibur teater itu dianggap sebagai penghibur awam kerana mereka telah menggunakan kemahiran artistik dan muzikal mereka untuk membuat persembahan awam secara langsung. Bayaran berjumlah RM1 juta adalah tertakluk kepada cukai pegangan seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 3

Seorang pelumba basikal profesional yang merupakan pemastautin Perancis digaji oleh suatu pasukan berbasikal Perancis, sebuah entiti yang ditubuhkan di Perancis sebagai sebuah syarikat. Pelumba basikal tersebut dan pasukannya tiba di Malaysia pada 1.4.2017 untuk mengambil bahagian dalam satu pertandingan yang dianjurkan dan ditaja oleh sebuah syarikat yang berurusan dalam peralatan sukan di Malaysia. Mengikut perjanjian antara penganjur dan pelumba basikal Perancis, pakej penyertaan termasuk semua kos yang dilakukan untuk penginapan, makanan, dobi dan pengangkutan yang dibayar untuk pelumba basikal Perancis oleh pihak penganjur sebagai pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung. Salah seorang pelumba basikal Perancis menduduki tempat kedua dalam pertandingan itu dan menerima sebuah trofi dan hadiah wang tunai.

Pelumba basikal Perancis itu dianggap sebagai seorang penghibur awam kerana beliau adalah seorang ahli sukan yang mengambil bahagian dalam

pertandingan berbasikal bersama-sama dengan ahli pasukannya di khalayak ramai. Hadiah wang tunai dikecualikan daripada cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 23) 1990 [P.U.(A) 428/1990]. Amaun pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 4

Sebuah kelab bola sepak di Malaysia telah menganjurkan perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan kebangsaan Malaysia dan pemegang gelaran Liga Perdana Inggeris. Perlawanan tersebut diadakan pada Mac 2017 di Stadium Putra Bukit Jalil. Pasukan Liga Perdana Inggeris dari United Kingdom dibayar RM4.8 juta oleh pihak penganjur (jumlah termasuk manfaat seperti penginapan, makanan, dobi dan pengangkutan).

Dalam kontrak antara semua pihak yang berkenaan, telah dinyatakan dengan jelas bahawa bagi tujuan pentadbiran, suatu syarikat pengurusan di Malaysia telah dilantik oleh pasukan Liga Perdana Inggeris semata-mata untuk bertindak sebagai ejen mereka semasa perlawanan bola sepak di Malaysia. Tugas ejen termasuk menerima bayaran bagi pihak pasukan Liga Perdana Inggeris tetapi ejen tersebut tidak berhak menggunakan atau menikmati wang yang diterima. Pasukan Liga Perdana Inggeris adalah penerima sebenar bayaran tersebut.

Pemain-pemain dalam Liga Perdana Inggeris dianggap sebagai penghibur awam kerana mereka adalah ahli sukan yang bermain sebagai suatu pasukan sukan di khalayak ramai. Bayaran RM4.8 juta yang dibuat kepada pasukan Liga Perdana Inggeris adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 5

Seorang peragawati antarabangsa yang terkenal dari AS tiba di Malaysia pada 1.3.2017 untuk mengambil bahagian dalam suatu pertunjukan fesyen, iklan dan pengambilan gambar untuk fi berjumlah USD\$100,000.

Peragawati terkenal tersebut dianggap sebagai seorang penghibur awam kerana beliau telah mengambil bahagian dalam suatu pertunjukan fesyen di khalayak ramai. Memandangkan peragawati tersebut telah menggunakan kemahiran peribadi beliau untuk iklan dan pengambilan gambar, beliau adalah dianggap sebagai seorang penghibur awam. Kesemua fi adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 6

Sebuah syarikat penerbitan di Malaysia mengguna khidmat seorang lelaki tertinggi dan seorang lelaki terpendek di dunia, kedua-duanya berasal dari Asia,

untuk berlakon dalam filem tempatan yang penuh dengan aksi dan difilemkan di Malaysia pada tahun 2017. Profesion kedua-dua lelaki tersebut bukan pelakon. Mereka telah dibayar USD200,000 setiap seorang untuk berlakon sekali dalam seumur hidup dalam filem buatan Malaysia.

Walaupun profesion kedua-dua lelaki tersebut bukan pelakon tetapi persembahan mereka sekali dalam seumur hidup dalam filem adalah bersifat serupa dengan aktiviti seseorang artis. Oleh itu, mereka diklasifikasikan sebagai penghibur awam dan bayaran yang dibuat kepada kedua-dua lelaki tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 7

Seorang lagenda bola sepak dari United Kingdom tiba di Malaysia pada 1.3.2017 untuk menjadi seorang pengulas bagi siaran langsung suatu perlawanan bola sepak antara pasukan bola sepak Inggeris yang terkenal dan pasukan kebangsaan bola sepak Malaysia. Lagenda bola sepak tersebut adalah seorang personaliti terkenal dalam industri sukan.

Lagenda bola sepak tersebut dianggap sebagai seorang penghibur awam walaupun beliau hanya memberikan ulasan perlawanan bola sepak dan tidak bermain dalam sukan. Beliau telah menggunakan kemahiran peribadi dan fizikal untuk menjadi pengulas bola sepak bagi siaran televisyen secara langsung. Bayaran yang dibuat kepada pengulas tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 8

Seorang pemimpin korporat yang terkenal dari AS tiba di Malaysia pada 1.2.2017 bagi –

- (a) menyampaikan suatu ceramah berkaitan dengan kepimpinan di suatu persidangan antarabangsa; dan
- (b) suatu temu bual dengan sebuah stesen televisyen tempatan di hadapan penonton.

Fi sebanyak RM900,000 telah dibayar oleh pihak penganjur.

Penceramah persidangan yang melawat tersebut adalah seorang penghibur awam yang menyampaikan suatu ceramah secara langsung di khalayak ramai. Fi yang diterima oleh penceramah yang melawat adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Nota

Jika perjanjian untuk penyampaian ceramah oleh pemimpin korporat yang terkenal dari AS tidak melibatkan suatu fi yang dibayar oleh penganjur tetapi hanya suatu pembayaran ganti untuk kos tambang penerbangan, penginapan, makanan dan pengangkutan, pembayaran ganti tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP kerana ia adalah manfaat yang dinikmati oleh bukan pemastautin tersebut.

Contoh 9

Seorang pensyarah terkenal dalam bidang kewangan dari sebuah universiti terkemuka di AS tiba di Malaysia untuk menyampaikan suatu syarahan di seminar awam pada April 2017. Beliau dibayar RM500,000.

Pensyarah tersebut adalah seorang penghibur awam dan tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

7.2 Orang yang tidak dianggap sebagai seorang penghibur awam

Contoh 10

Sebuah stesen televisyen di Malaysia telah menganjurkan suatu pertandingan nyanyian realiti pada Januari 2017. Antara pesertanya adalah pelajar, amatir (individu yang terlibat dalam nyanyian untuk keseronokan) dan penyanyi profesional (individu yang terlibat dalam nyanyian sebagai nafkah pencarian) dari Malaysia dan Asia Tenggara. Penganjur menyediakan penginapan dan keperluan asas untuk para peserta sepanjang tempoh pertandingan. Tiada bayaran atau elaun dibayar kepada peserta. Pemenang pertandingan akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM100,000. Para peserta membuat persembahan secara langsung di hadapan penonton studio dan penonton televisyen. Latihan dan aktiviti harian para peserta telah dirakamkan dan disiarkan sebagai sebahagian daripada pertunjukan realiti.

Peserta yang bukan penyanyi profesional tidak dianggap sebagai penghibur awam kerana mereka tidak menjalankan sebarang profesion, kerjaya atau pekerjaan yang serupa dengan seorang penghibur awam. Sekiranya hadiah wang tunai yang merupakan suatu ganjaran hasil daripada memperoleh bilangan undi tertinggi daripada penonton televisyen dimenangi oleh seorang peserta bukan pemastautin yang bukan penyanyi profesional, hadiah wang tunai itu boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP. Pemenang sedemikian akan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP. Maklumat lanjut boleh didapati daripada Ketetapan Umum No.1/2010 bertarikh 19.4.2010 bertajuk "Cukai Pegangan ke atas Pendapatan di bawah Perenggan 4(f)".

Jika hadiah wang tunai dimenangi oleh seorang peserta yang merupakan penyanyi profesional asing, wang tunai itu akan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP kerana beliau dianggap sebagai seorang penghibur awam.

Nota

Jika seorang artis asing terlibat dalam suatu pertunjukan realiti sebagai seorang panel hakim atau juri, bayaran yang dibuat kepada beliau akan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP. Ini adalah kerana artis asing itu menggunakan kemahiran artistik dan peribadi untuk menjalankan peranannya sebagai seorang panel hakim atau juri dalam pertunjukan realiti untuk siaran televisyen.

- 7.3 Penghibur awam di bawah kontrak penggajian dan membuat persembahan di Malaysia kurang daripada 60 hari

Contoh 11

Seorang penerbit teater muzikal di Malaysia menghasilkan suatu muzikal yang memerlukan orkestra pit yang terdiri daripada 20 pemuzik. Penerbit tersebut membuat peraturan dengan sebuah teater muzikal di AS untuk menghantar dua pemain biola di bawah penggajian ke Malaysia dari 1.3.2017 hingga 15.4.2017 (45 hari). Penerbit Malaysia bersetuju untuk membayar saraan dan manfaat lain yang kena dibayar kepada pemain biola semasa mereka ditugaskan bekerja di Malaysia.

Pemain biola dari AS adalah penghibur awam kerana mereka adalah artis yang membuat persembahan di atas pentas. Walaupun pemain biola itu berada di Malaysia kurang daripada 60 hari pada tahun 2017, pengecualian cukai bagi penggajian jangka pendek mereka di bawah perenggan 21 Jadual 6 ACP semasa mereka ditugaskan ke Malaysia tidak terpakai menurut subperenggan 22(b) Jadual 6 ACP. Bayaran yang dibuat kepada pemain biola adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 12

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 11 kecuali saraan dan manfaat kepada kedua-dua pemain biola telah dibayar oleh sebuah agensi kerajaan AS.

Bayaran yang diterima oleh penghibur awam adalah pendapatan daripada suatu penggajian yang dijalankan oleh mereka dan oleh sebab pendapatan mereka dibayar daripada dana awam Kerajaan sebuah negara di luar Malaysia, pendapatan itu dikecualikan cukai berdasarkan subperenggan 22(b) Jadual 6 daripada ACP.

- 7.4 Pendapatan kasar seorang penghibur awam adalah termasuk bayaran dalam bentuk wang dan bukan wang seperti fi, hadiah wang, elaun (harian) dan pembayaran ganti, atau pembayaran tunai langsung untuk manfaat yang dinikmati oleh penghibur awam bukan pemastautin seperti penginapan, makanan, tambang penerbangan dan cukai yang ditanggung oleh seorang penaja.

Contoh 13

Seorang pemain badminton terunggul dari negara China menyertai Kejohanan Malaysia 2017 yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dari 1.3.2017 hingga 5.3.2017. Kejohanan Malaysia ditaja oleh M (Sales) Sdn Bhd, anak syarikat Malaysia kepada sebuah syarikat multinasional AS yang terlibat dalam reka bentuk, pembangunan dan pemasaran di seluruh dunia serta jualan untuk kasut, pakaian, peralatan, aksesori dan perkhidmatan. Pemain badminton tersebut memakai kasut dan pakaian syarikat AS itu sepanjang pertandingan, iaitu di gelanggang badminton dan pada acara yang berkaitan dengan kejohanan. M (Sales) Sdn Bhd telah membayar pemain badminton sejumlah USD1,000,000 untuk memakai jenama kasut dan pakaian syarikat pada semua acara yang mana beliau bertanding pada tahun 2017 di Malaysia. Pembayaran bagi penginapan, makanan dan tambang penerbangan untuk pemain badminton bernilai RM20,000 telah ditanggung oleh penaja. Hadiah wang tunai USD50,000 telah dimenangi oleh pemain.

Pemain badminton dari China adalah seorang penghibur awam kerana beliau adalah seorang ahli sukan. Hadiah wang tunai berjumlah USD50,000 adalah dikecualikan cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 23) 1990. Jumlah perbelanjaan tunai langsung atau pembayaran dan bayaran yang diterima oleh pemain badminton untuk memakai kasut dan pakaian syarikat dianggap sebagai pendapatan kasar yang diperolehi dari Malaysia. Oleh itu, beliau adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

- 7.5 Seorang penghibur awam sering menerima bayaran yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada persembahan selain daripada fi untuk persembahan sebenar seperti fi kehadiran dan sebahagian daripada jualan tiket. Bayaran lain termasuk fi daripada hak imej (misalnya penggunaan nama penghibur, tanda tangan atau imej peribadi) untuk mempromosikan atau mengiklankan produk penaja.

Contoh 14

Seorang pemandu Formula One (F1) yang berjaya dari AS tiba di Malaysia pada 25.1.2017 untuk menyertai Grand Prix F1. Di samping itu, beliau juga menerima bayaran pengendorsan yang berasingan untuk memandu model kereta tertentu, menghadiri diri di pameran jualan auto dan memakai visor dengan logo korporat penaja semasa Grand Prix F1.

Pemandu F1 adalah seorang penghibur awam kerana beliau adalah seorang ahli sukan. Bayaran pengendorsan berkaitan dengan aktiviti pemandu F1 semasa Grand Prix F1 di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

Contoh 15

Sebuah syarikat penerbitan Malaysia mendapat khidmat 3 orang pelakon dari Hong Kong dan seorang pelagak negeri dari China untuk penerbitan sebuah program televisyen. Penggambaran dilakukan di pelbagai lokasi di Malaysia dari 1.4.2017 hingga 30.4.2017. Bayaran kepada pelakon asing dan pelagak negeri dibayar dan ditanggung oleh syarikat penerbitan Malaysia itu.

Bayaran yang dibuat kepada semua pelakon dan pelagak negeri adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP. Pelagak negeri adalah wira tanpa wajah dalam filem dan televisyen yang melakukan adegan aksi berisiko untuk filem dan televisyen. Mereka menjalankan profesion yang bersifat serupa dengan artis yang merupakan seorang penghibur awam.

Contoh 16

Sebuah pusat seni persembahan di Malaysia menerima tajaan sebanyak RM400,000 dari JK Sdn Bhd untuk menubuhkan aktiviti seni, kebudayaan atau warisan yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada 15.1.2017. Persembahan yang dianjurkan oleh pusat seni persembahan tersebut melibatkan 2 orang pelakon British yang dibayar oleh pusat tersebut.

Bayaran yang diterima oleh 2 orang pelakon British dari pusat seni persembahan tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP.

8. Kadar Cukai atas Pendapatan Penghibur Awam Bukan Pemastautin

Pendapatan seorang penghibur awam bukan pemastautin (selain daripada sebuah syarikat) yang terdiri daripada saraan atau pendapatan lain berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan di Malaysia dikenakan cukai pada kadar 15% daripada amaun kasar [Bahagian II Jadual 1 ACP].

9. Pengiraan Cukai

9.1 Cukai dikira atas saraan kasar atau pendapatan lain berkenaan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh seorang penghibur awam. Dalam kes di mana seorang penghibur awam menjalankan atau memberi perkhidmatan sebagai seorang ahli dalam suatu kumpulan atau pasukan, cukai dikira oleh LHDNM atas pendapatan kolektif ahli-ahli dalam

kumpulan/pasukan atau nilai kontrak, yang mana berkenaan. Satu nombor rujukan cukai pendapatan (dengan awalan FA) akan didaftarkan atas nama kumpulan/pasukan. Cukai yang ditanggung oleh penghibur awam itu atau kumpulan/pasukan itu perlu dipegang oleh pembayar dan diremit kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

- 9.2 Bahagian pendapatan seluruh dunia seorang penghibur awam dari konsert, penajaan, pengendorsan, pengiklanan atau hak imej yang boleh dikenakan cukai di Malaysia akan bergantung kepada perkataan tepat kontrak. Bahagian apa-apa pendapatan sedemikian hendaklah dikira atas dasar yang adil dan munasabah. Bayaran yang berkaitan dengan aktiviti seluruh dunia seorang penghibur awam (mengikut kontrak) mesti dibahagikan untuk menentukan jumlah yang berkaitan dengan persembahannya di Malaysia. Jumlah pendapatan daripada suatu kontrak boleh dibahagikan menggunakan formula berikut:

$$\frac{\text{Bilangan hari bekerja di Malaysia dalam setahun}}{\text{Bilangan hari bekerja di seluruh dunia dalam setahun}} \times \text{Pendapatan Kasar}$$

Atau

$$\frac{\text{Jumlah konsert yang dijalankan di Malaysia dalam setahun}}{\text{Jumlah konsert yang dijalankan di seluruh dunia dalam setahun}} \times \text{Pendapatan Kasar}$$

- 9.3 Pengiraan cukai pegangan yang ditanggung oleh seorang penghibur awam

Contoh 17

Seorang penyanyi profesional dari Hong Kong dilantik untuk membuat persembahan di Malaysia selama 14 hari pada tahun 2017. Penyanyi tersebut menerima bayaran berikut daripada penganjur, Syarikat A:

Fi artis	RM20,000
Penginapan di hotel	RM250 sehari
Kos tambang penerbangan	RM3,500

Syarikat A perlu membuat potongan cukai pegangan seperti berikut:

	RM
Fi artis	20,000
Penginapan di hotel (RM250 X 14 hari)	3,500
Tambang penerbangan	<u>3,500</u>
Jumlah bayaran	27,000
Tolak:	
Cukai pegangan (15%)	<u>4,050</u>
Bayaran kepada artis	<u>22,950</u>

Contoh 18

Sebuah hotel di Kuala Lumpur mendapatkan khidmat sebuah band yang dikenali sebagai The Strollers dari Filipina yang terdiri daripada seorang ketua band dan 2 orang penyanyi untuk tempoh 3 bulan dari 1.3.2017 hingga 31.5.2017 untuk membuat persembahan secara langsung setiap hari. Hotel itu menyediakan tempat penginapan dan dobi untuk tempoh mereka membuat persembahan di Kuala Lumpur. Nilai kontrak bagi band tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Band (seorang ketua dan 2 orang penyanyi)	6,300
Elaun makanan harian - RM15 seorang	4,140
Penginapan - kuarters kakitangan	1,350
Dobi	<u>900</u>
Jumlah	<u>12,690</u>

Hotel itu perlu membuat potongan cukai pegangan seperti berikut:

	RM
Jumlah bayaran	12,690
Tolak:	
Cukai pegangan (15%)	<u>1,903.50</u>
Bayaran kepada band	<u>10,786.50</u>

Contoh 19

Seorang pemain golf profesional dari Jepun berada di Malaysia untuk menyertai suatu kejohanan golf yang ditaja oleh sebuah syarikat di Malaysia dari 22.1.2017 hingga 25.1.2017. Beliau memasuki suatu perjanjian kejohanan dengan syarikat itu untuk memberi perkhidmatan berikut berkaitan dengan kejohanan tersebut –

- (i) mengacarakan klinik golf selama 60 minit;
- (ii) menghadiri suatu sidang akhbar pada awal minggu kejohanan;
- (iii) menghadiri majlis penyampaian hadiah (jika menduduki tempat 3 teratas);

- (iv) menandatangani barang kejohanan maksimum 50 barang termasuk baju, topi, poster dan bahan bercetak untuk tetamu VIP;
- (v) menyediakan satu kayu golf yang ditandatangani atau barang yang bersamaan yang akan diberikan kepada penaja utama kejohanan tersebut;
- (vi) menghadiri suatu rakaman video (promosi) untuk kegunaan semasa minggu kejohanan; dan
- (vii) bertemu dengan penonton, selama 15 minit di tempat kejohanan semasa minggu kejohanan.

Pemain tersebut dibayar RM1,000,000 untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam perjanjian. Tiada perbelanjaan lain yang ditanggung oleh syarikat.

Pendapatan yang diperolehi oleh pemain golf profesional bukan pemastautin yang dianggap sebagai seorang penghibur awam berkaitan dengan perkhidmatan yang dilakukan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP. Cukai pegangan yang dipotong dan diremit kepada KPHDN dikira seperti berikut:

	RM
Jumlah bayaran	1,000,000.00
Tolak:	
Cukai pegangan (15%)	<u>150,000.00</u>
Bayaran kepada pemain golf	<u>850,000.00</u>

Contoh 20

Sebuah syarikat minuman ringan di Malaysia menaja satu siri konsert di negara-negara di mana seorang penyanyi British terkenal telah dilantik untuk membuat persembahan. Sebuah syarikat pengurusan acara telah dilantik oleh syarikat minuman ringan untuk mengatur segala yang diperlukan dengan fi sebanyak RM50,000. Penyanyi itu telah dibayar sejumlah tetap sebanyak USD300,000 untuk membuat persembahan di beberapa konsert di 3 buah negara dengan tambahan 5% daripada jualan tiket bagi setiap konsert pada tahun 2017. Jumlah konsert yang diadakan dan jualan tiket di negara-negara berikut adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:

Negara	Bilangan Konsert	Jumlah Jualan Tiket RM	5% Jumlah Jualan Tiket RM
Malaysia	5	500,000	25,000
Singapura	4	600,000 ¹	32,500 ²
Filipina	6	800,000 ³	40,000 ⁴
Jumlah	15	1,950,000	97,500

^{1,2}Ditukar daripada dolar Singapura

^{3,4}Ditukar daripada peso Filipina

Bahagian pendapatan tertakluk kepada cukai pegangan ditentukan seperti berikut:

Bilangan konsert yang diadakan di Malaysia	Pendapatan Kasar
_____	X
Jumlah konsert yang diadakan di seluruh dunia pada tahun 2017	

$\frac{5}{15} \times \text{USD}300,000 = \text{USD}100,000 @ \text{RM}4 = \text{RM}400,000$

[Pada tahun 2017 adalah diandaikan bahawa kadar pertukaran asing adalah USD \$1 = RM4]

Pendapatan kasar yang diperoleh dari Malaysia ialah RM425,000 (RM400,000 + RM25,000).

Cukai pegangan ialah RM63,750 (RM425,000 @ 15%).

- 9.4 Pengiraan cukai pegangan di mana bayaran dibuat kepada seorang ejen yang diberi kuasa oleh penghibur awam

Contoh 21

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 19 kecuali bayaran sebanyak RM1 juta telah dibayar kepada KIG Worldwide Inc., seorang ejen yang diberi kuasa oleh pemain golf.

Pengiraan cukai pegangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Contoh 19 walaupun bayaran dibuat kepada seorang ejen.

- 9.5 Pembayaran dibuat kepada penghibur awam dalam mata wang selain ringgit

Contoh 22

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 19 dan –

- (a) tahun kewangan syarikat Malaysia berakhir pada 31 Disember; dan
- (b) bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan dari 22.1.2017 hingga 25.1.2017 oleh pemain golf profesional bukan pemastautin dari Jepun ialah USD300,000 dan bukannya RM1 juta. Bayaran untuk perkhidmatan

dibuat pada 29.3.2017 dan tarikh kena bayar cukai pegangan adalah 28.4.2017.

Bagi tujuan menentukan jumlah cukai pegangan, bayaran dalam mata wang asing sebanyak USD300,000 perlu ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran asing semasa pada tarikh bayaran dibuat (iaitu 29.3.2017). Cukai pegangan hendaklah dikira berdasarkan jumlah dalam RM pada tarikh tersebut. Dengan menganggap bahawa kadar pertukaran asing pada 29.3.2017 adalah RM4.30 = USD1, cukai pegangan ialah RM193,500 [(USD300,000 @ 4.30) X 15%].

10. Permohonan untuk Penggambaran dan Persembahan di Malaysia

Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL), sebuah agensi setempat di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia memproses semua permohonan untuk penggambaran dan persembahan oleh artis asing di Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Garis Panduan PUSPAL di laman sesawang <https://epuspal.kkmm.gov.my>.

Takrifan seorang artis asing tidak terhad kepada takrifan oleh PUSPAL seperti yang dinyatakan dalam garis panduannya. Cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP adalah terpakai kepada seorang artis yang termasuk dalam takrifan penghibur awam di bawah seksyen 2 ACP (seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3.5 KU ini) dan ini termasuk seorang artis asing yang masuk ke Malaysia di bawah pas lawatan sosial.

11. Penghibur Awam Selain daripada Artis Penggambaran dan Artis Asing

Seorang penaja atau penganjur masih dikehendaki untuk mengemukakan maklumat dan butiran kepada LHDNM berkaitan dengan seorang penghibur awam bukan pemastautin –

- (a) yang menghadiri atau bermain dalam mana-mana acara sukan, kejohanan, pertandingan atau apa-apa acara lain di Malaysia; dan
- (b) yang tidak termasuk di bawah Garis Panduan PUSPAL

sebelum penghibur awam bukan pemastautin itu membuat persembahan di Malaysia. Antara dokumen yang diperlukan adalah:

- (i) Borang Performa B;
- (ii) Kontrak antara penaja/penganjur dan penghibur awam; dan
- (ii) Salinan pasport penghibur awam dengan butiran tarikh ketibaan dan berlepas ke/dari Malaysia.

Maklumat dan butiran yang berkaitan dengan seorang penghibur awam bukan pemastautin yang tidak termasuk di bawah Garis Panduan PUSPAL hendaklah dihantar ke cawangan LHDNM berikut:

NEGERI	ALAMAT
Semua Negeri di Semenanjung Malaysia	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Duta Tingkat bawah, 1 -10, Blok 8A Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim 50600 Kuala Lumpur
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kota Kinabalu Menara Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman 88600 Kota Kinabalu
Sarawak	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kuching Pusat Bayaran Kuching Unit Operasi Kutipan Cukai Aras 1, Wisma Hasil No. 1, Jalan Padungan 93100 Kuching Sarawak

Penaja atau penganjur bagi mana-mana acara sukan, kejohanan, pertandingan atau apa-apa acara di Malaysia adalah bertanggungjawab bagi pembayaran cukai pegangan di bawah seksyen 109A ACP.

12. Meremitkan Cukai

- 12.1 Mekanisme cukai pegangan meletakkan tanggungjawab ke atas pembayar untuk mengutip cukai pada punca bagi pihak KPHDN daripada pendapatan yang diperoleh oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin. Cukai pegangan (sama ada cukai dipotong atau tidak) mesti dibayar kepada KPHDN dalam tempoh sebulan selepas membayar atau mengkreditkan bayaran kepada penghibur awam bukan pemastautin itu.
- 12.2 Seorang pembayar, biasanya seorang yang menjalankan perniagaan di Malaysia, bertanggungjawab untuk memuat potongan dan meremitkan jumlah cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP kepada KPHDN dan membayar penerima jumlah bersih.

Seorang penaja atau penganjur mesti meremitkan cukai pegangan yang kena dibayar kepada KPHDN berhubung dengan penggambaran dan persembahan oleh artis asing yang tertakluk kepada garis panduan PUSPAL kepada PUSPAL (untuk maklumat lanjut, sila rujuk perenggan 10 KU ini).

Begitu juga seorang penaja atau penganjur bagi mana-mana acara sukan, kejohanan, pertandingan atau apa-apa acara di Malaysia yang melibatkan penyertaan seorang penghibur awam bukan pemastautin mesti meremitkan cukai pegangan dalam bentuk wang tunai atau draf bank sahaja bersama dengan Borang 154 kepada Pusat Bayaran LHDNM. Pusat Bayaran yang berkaitan akan bergantung kepada lokasi cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan penaja atau penganjur itu.

NEGERI	ALAMAT
Semenanjung Malaysia	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kuala Lumpur Tingkat Bawah & 15, Blok 8A Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Karung Berkunci 11061 50990 Kuala Lumpur
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kota Kinabalu Tingkat Bawah, 3 & 4 Menara Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman 88600 Kota Kinabalu
Sarawak	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kuching Unit Operasi Kutipan Cukai Aras 1, Wisma Hasil No.1 Jalan Padungan 93100 Kuching Sarawak

Tidak seperti bayaran cukai lain, **cukai pegangan tidak boleh dibayar melalui semua bank termasuklah bank yang diberi kuasa.**

13. Akibat Tidak Meremitkan Cukai

- 13.1 Sekiranya seorang pembayar gagal untuk membayar apa-apa amaun cukai pegangan yang kena dibayar kepada KPHDN sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP, amaun yang beliau gagal bayar

akan dinaikkan pada satu jumlah bersamaan dengan 10% daripada amaun cukai pegangan yang beliau gagal bayar dan amaun keseluruhan itu hendaklah merupakan suatu hutang yang genap masanya untuk dibayar olehnya kepada Kerajaan dan hendaklah dibayar kepada KPHDN [subseksyen 109(2) ACP].

- 13.2 Jika saraan atau pendapatan lain berkenaan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin yang mana cukai hendaklah dipotong di bawah seksyen 109A ACP, dan pembayar itu gagal memotong dan meremitkan cukai kepada KPHDN mengikut subseksyen 109(2) ACP, bayaran tersebut tidak akan dibenarkan sebagai suatu perbelanjaan dalam pengiraan pendapatan larasan daripada mana-mana punca pembayar itu [perenggan 39(1)(q) ACP]. Walau bagaimanapun, jika pembayar kemudiannya membayar cukai pegangan bersama dengan amaun yang dinaikkan (seperti yang dinyatakan dalam perenggan 13.1), bayaran itu kepada penghibur awam bukan pemastautin boleh kemudiannya dibenarkan sebagai suatu potongan [proviso kepada perenggan 39 (1)(q) ACP].
- 13.3 Sebagai tambahan kepada amaun yang dinaikkan disebabkan oleh bayaran lewat yang disebut dalam perenggan 13.1 di atas, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP jika -
- (a) potongan cukai pegangan dibuat atau dibayar selepas tarikh ditetapkan untuk menfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk suatu tahun taksiran (dan BNCP telah diterima sebagai betul) yang berhubung dengan bayaran berkenaan dengan perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh seorang penghibur awam bukan pemastautin, dan
 - (b) suatu potongan bagi perbelanjaan berhubung dengan bayaran tersebut dibuat dalam BNCP yang dikemukakan atau dituntut dalam maklumat yang diberikan kepada KPHDN (dan maklumat itu diterima sebagai betul) dalam mengira pendapatan larasan pembayar itu [proviso kepada perenggan 39(1)(q) ACP].

Dalam erti kata lain, di bawah sistem taksir sendiri jika seorang pembayar membuat tuntutan potongan dalam BNCP untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan cukai pegangan (di mana BNCP telah difailkan dalam atau selepas tarikh yang ditetapkan untuk pengemukakan bagi tahun taksiran yang berkaitan) manakala cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan suatu penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP untuk BNCP yang tidak betul.

Dalam kes taksiran tambahan yang dikeluarkan dan timbul daripada perbelanjaan berkaitan dengan bayaran kepada seorang penghibur awam bukan pemastautin yang tidak dibenarkan, apabila pembayar telah mematuhi

keperluan cukai pegangan, perbelanjaan tersebut boleh dibenarkan tetapi penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP akan dikekalkan.

14. Rayuan oleh Seorang Pembayar atas Bayaran Cukai Pegangan

Berkuat kuasa 1.1.2013, seorang pembayar yang bertanggungjawab membuat bayaran cukai pegangan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 109A ACP boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan di bawah seksyen 109H ACP atas alasan bahawa cukai pegangan adalah tidak kena dibayar di bawah ACP. Rayuan perlu dibuat dalam 30 hari dari tarikh cukai pegangan perlu dibuat kepada KPHDN.

15. Pencukaaian Dua Kali

15.1 Pada umumnya, kebanyakan negara mengenakan cukai pegangan ke atas fi persembahan artis dan ahli sukan bukan pemastautin hasil daripada menjalankan suatu profesion atau kerjaya dan merupakan pendapatan perniagaan. Penghibur awam itu tidak mempunyai sebuah establishmen tetap di negara di mana persembahan itu dibuat. Beliau juga boleh melaporkan pendapatan asingnya di negara mastautinnya. Akibatnya pencukaaian dua kali mungkin berlaku. Pencukaaian dua kali boleh dihapuskan di negara mastautin beliau sama ada dengan mengecualikan pendapatan asing atau memberikan kredit cukai asing kepada penghibur awam itu.

15.2 Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan beberapa negara bagi mengelakkan pencukaaian dua kali dengan memperuntukkan hak mencukai atas aliran pendapatan dua hala antara rakan kongsi perjanjian masing-masing. Mengikut Artikel berkenaan Artis dan Olahragawan (biasanya Artikel 17 atau 18) dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK), negara di mana aktiviti seorang penghibur awam bukan pemastautin diadakan dibenarkan mencukai pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti tersebut. Ini berbeza daripada pemakaian kepada pendapatan yang diperoleh daripada jenis aktiviti lain dan ini menyebabkan keperluan untuk menentukan soalan seperti siapakah seorang penghibur atau ahli sukan dan apakah aktiviti seorang penghibur atau ahli sukan.

16. Ketidapkakaian

Seksyen 109A ACP tidak terpakai kepada golongan orang atau individu berikut berkenaan dengan jenis pendapatan tertentu:

- (a) Mana-mana orang yang adalah olahragawan atau olahragawati profesional, yang mengambil bahagian dalam mana-mana kejohanan sukan dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan wang hadiah yang diterima olehnya daripada kejohanan tersebut [P.U. (A) 428/1990];

-
- (b) Syarikat perfileman, pelakon dan pekerja penggambaran filem bukan pemastautin yang berada di Malaysia dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti penggambaran filem yang bermula pada atau selepas 31.3.1999 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Filem Asing, Kementerian Dalam Negeri, Malaysia [P.U.(A) 321/1999];
 - (c) Pemandu kereta atau motosikal lumba dikecualikan daripada pembayaran cukai berkenaan dengan pendapatan kasar yang diperolehi daripada bertanding dalam perlumbaan bertaraf antarabangsa yang diadakan di Malaysia [P.U. (A) 501/2000]; dan
 - (d) Seorang penganjur perlumbaan kereta atau motosikal dikecualikan daripada pembayaran cukai berkenaan dengan 50% daripada pendapatan berkanun yang diperolehi daripada pengelolaan bertaraf antarabangsa yang diadakan di Malaysia [P.U. (A) 501/2000].

17. Pemeriksaan Transaksi

KPHDN mempunyai hak untuk memeriksa suatu kedudukan urusan niaga dengan lebih terperinci di mana keadaan memerlukan sedemikian.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**